



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TINGKAH LAKU AGRESIF PELAJAR SEKOLAH BERDASARKAN TEORI
PILIHAN DI LIMA BUAH SEKOLAH DI DAERAH
KOTA KINABALU, SABAH

ASSYAADAH BINTI YAACOB



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengukur tingkah laku agresif pelajar sekolah berdasarkan Teori Pilihan (*Choice Theory*). Kajian ini melibatkan dua fasa iaitu mengukur profil dan tahap tingkah laku agresif pelajar. Di samping itu, kajian ini juga meneroka dan memahami tingkah laku agresif pelajar berdasarkan kepada aspek keperluan asas dan tingkah laku keseluruhan dalam Teori Pilihan. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah gabungan iaitu *sequential explanatory design* yang melibatkan gabungan dua fasa iaitu fasa pertama kuantitatif dan fasa kedua kualitatif. Data dikumpul bagi kedua-dua fasa di mana fasa pertama menggunakan kaedah soal selidik iaitu *The Aggression Questionnaire* dan fasa kedua melibatkan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Dalam fasa pertama, persampelan rawak mudah dijalankan dalam kalangan 571 orang responden dari lima buah sekolah daerah Kota Kinabalu dan menggunakan analisis deskriptif manakala dalam fasa kedua, empat orang peserta kajian dipilih menggunakan pensampelan bertujuan dan di analisis berdasarkan analisis tema. Hasil dapatan menunjukkan bahawa tahap agresif responden adalah rendah dan tingkah laku pelajar yang agresif adalah disebabkan oleh empat keperluan asas dominan iaitu kasih sayang, keseronokan, kebebasan dan kuasa. Dalam konteks ilmu kaunseling, hasil dapatan kajian ini memberi panduan dan rujukan kepada kaunselor untuk memahami keinginan pelajar agresif berdasarkan Teori Pilihan. Selain itu, dengan adanya kajian ini, ia dapat memberi kesedaran dan maklumat kepada pihak sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, guru-guru khususnya kaunselor sekolah dan ibu bapa tentang penyebab berlakunya tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah.





STUDENTS' AGGRESSIVE BEHAVIOUR BASED ON CHOICE THEORY IN FIVE SECHOOLS OF KOTA KINABALU DISTRICT, SABAH

ABSTRACT

This study aims to measure the students' aggressive behavior based on Choice Theory. This study involved two phases namely measuring the profile and the level of aggressive behaviour of students. In addition, this study explores and understand the students' aggressive behaviour based on basic needs and total behaviour in the Choice Theory. The study design uses a mixed method, sequential explanatory design involving the combination of two phases: the first phase is quantitative and the second phase is a qualitative. Data was collected for both phases and for the first phase using the questionnaire of The Aggression Questionnaire and the second phase involved the interviews and document analysis methods. In the first phase, simple random sampling was conducted among 571 respondents from five school at Kota Kinabalu and data were analyzed using descriptive. While in the second phase, the sampling was carried out on four participants of the study and analysis based on the theme analysis. The findings indicate that the level of aggressive respondents are low and the aggressive students behavior is attributed to the dominance of the four basic needs of love, fun, freedom and power. In the context of counselling, the results of this study provide guidance and referrals to counsellors to understand the aggressiveness of students' based on Choice Theory. Moreover, this study will provide awareness and information to school authorities, Malaysia Ministry of Education, teachers especially school counsellors and parents concerning the cause of aggressive behaviour among students in schools.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pendekatan Teori	8
1.3.1	Teori Pilihan	8
1.3.1.1	Kerangka Teori Pilihan	14
1.3.2	Teori Agresif	15
1.3.2.1	<i>The General Aggression Model</i> (GAM)	15
1.3.2.2	Kekecewaan Agresif	17
1.3.2.3	Teori Pembelajaran Sosial	18
1.4	Pernyataan Masalah	22





1.5	Tujuan Kajian	32
1.5.1	Tujuan Umum	32
1.5.2	Objektif Kajian	32
1.6	Persoalan Kajian	33
1.7	Kesignifikan Kajian	33
1.7.1	Guru-guru	34
1.7.2	Kaunselor	34
1.7.3	Pihak Kementerian	35
1.7.4	Golongan Ilmiah/Penyelidik	35
1.7.5	Golongan Ibu Bapa	36
1.8	Definisi Pembolehkan Kajian	36
1.8.1	Definisi Konsep	36
1.8.1.1	Tingkah laku Agresif	37
1.8.1.2	Pelajar	38
1.8.1.3	Teori Pilihan	38
1.8.2	Definisi Operasional	39
1.8.2.1	Tingkah laku agresif	39
1.8.2.2	Pelajar	40
1.8.2.3	Teori Pilihan	40
1.9	Limitasi Kajian	40
1.10	Rumusan	42

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	43
-----	-------------	----





2.2	Kajian Luar Negara	44
2.2.1	Tingkah Laku Agresif	44
2.2.2	Teori Pilihan	52
2.2.3	Tingkah Laku Agresif Berdasarkan Teori Pilihan	55
2.3	Kajian Dalam Negara	56
2.3.1	Tingkah Laku Agresif	56
2.3.2	Teori Pilihan	66
2.3.3	Tingkah Laku Agresif Berdasarkan Teori Pilihan	68
2.4	Rumusan	71

BAB 3 METODOLOGI



3.1	Pendahuluan	72
3.2	Reka Bentuk Kajian	73
3.2.1	Fasa Pertama: Pelaksanaan Kajian Kuantitatif	75
3.2.2	Fasa Kedua: Pelaksanaan Kajian Kualitatif	76
3.3	Kerangka Konsep Kajian	79
3.4	Lokasi Kajian	82
3.5	Populasi Dan Sampel Kajian	83
3.5.1	Fasa Pertama: Kajian Kuantitatif	84
3.5.2	Fasa Kedua: Kajian Kualitatif	86
3.6	Alat Kajian	87
3.6.1	Fasa Pertama: Soal Selidik Keagresifan	88
3.6.2	Fasa Kedua : Pembinaan Soalan Protokol	89



3.6.3	Analisis Dokumen	91
3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	92
3.7.1	Fasa Pertama: Set Soal Selidik	93
3.7.1.1	Kesahan Soal Selidik Keagresifan	93
3.7.1.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik Keagresifan	94
3.7.2	Fasa Kedua: Soalan Protokol	95
3.7.2.1	Kesahan Soalan Protokol	95
3.7.2.2	Nilai Kesahan Pakar Terhadap Soalan Protokol	99
3.7.2.3	Komen Penilaian Para Pakar Penilai	100
3.8	Triangulasi Data	101
3.9	Cara Pemarkatan Soal Selidik	105
3.10	Prosedur Kajian	106
3.11	Analisis Data	109
3.11.1	Analisis Data Kajian Kuantitatif	109
3.11.2	AnalisisData Kajian Kualitatif	110
3.11.2.1	Transkripsi	111
3.11.2.2	Koding	111
3.11.2.3	Tema	112
3.12	Rumusan	112

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	113
4.2	Analisis Dapatan	115



4.2.1	Taburan Sampel Kajian Berdasarkan Lima Sekolah	115
4.3	Analisis Dapatan Fasa Pertama	117
4.3.1	Analisis Profil Responden	117
4.3.1.1	Taburan responden mengikut jantina	117
4.3.1.2	Taburan responden mengikut bangsa	118
4.3.1.3	Taburan responden mengikut umur	119
4.3.1.4	Taburan responden mengikut agama	120
4.3.1.5	Taburan responden mengikut tempat tinggal	121
4.3.1.6	Taburan responden mengikut penglibatan masalah disiplin	121
4.3.1.7	Taburan responden mengikut jenis salah laku yang biasa dilakukan	122
4.3.2	Analisis Deskriptif	124
4.3.2.1	Analisis tahap bertingkah laku agresif pelajar	124
4.4	Analisis Dapatan Fasa Kedua	125
4.4.1	Analisis dapatan peserta kajian	125
4.4.2	Analisis profil peserta Kajian	126
4.4.3	Analisis Data Temu bual Informan Utama	129
4.4.4	Analisis Data Temu bual Informan Tambahan	160
4.4.5	Analisis Triangulasi Informan Utama	166
4.4.5.1	Triangulasi Keperluan Asas Informan Utama	166
4.4.5.2	Triangulasi Tingkah Laku Keseluruhan Informan Utama	174



4.4.6	Analisis Triangulasi Kajian Utama	178
4.4.7	Analisis Triangulasi Informan Dan Dokumen	182
4.5	Rumusan	184

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	185
5.2	Ringkasan Kajian	186
5.3	Perbincangan	187
5.3.1	Perbincangan Fasa Pertama	187
5.3.1.1	Perbincangan Profil Responden	188
5.3.1.2	Tahap Agresif Pelajar	190
5.3.2	Perbincangan Fasa Kedua	192
5.3.2.1	Perbincangan Keperluan Asas Peserta Kajian	192
5.3.2.2	Perbincangan Tingkah Laku Keseluruhan Peserta Kajian	198
5.4	Implikasi Kajian	201
5.4.1	Implikasi Teoritik	202
5.4.2	Implikasi Praktikal	205
5.6	Masalah Dalam Penyelidikan	208
5.7	Cadangan Penambahbaikan Kajian	210
5.8	Saranan Kepada Penyelidikan Akan Datang	212
5.9	Sumbangan	215
5.10	Rumusan	216



RUJUKAN

217

LAMPIRAN

231





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Salah laku Pelajar Di Salah Sebuah Sekolah Di Negeri Sabah	83
3.2	Taburan Sampel Kajian	85
3.3	Peserta Kajian Fasa Kedua	86
3.4	Nilai kesahan Item sub skala <i>Aggression Questionnaire</i> Berdasarkan Penilaian Panel Pakar	93
3.5	Senarai panel pakar analisis persetujuan pembinaan Soalan Protokol	97
3.6	Nilai Kesahan Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Berdasarkan Soalan Protokol: Tingkah laku Agresif Pelajar Sekolah Berdasarkan Teori Pilihan Berdasarkan Russell (1974)	99
3.7	Pekali Kesahan Pakar Secara Keseluruhan.	100
3.8	Komen Penambahbaikan Penilaian Pakar	101
3.9	Nilai skor Soal Selidik Keagresifan	105
3.10	Kategori Tahap Agresif Soal Selidik	106
3.11	Analisis Data Kuantitatif	109
3.12	Analisis Data Kualitatif	110
4.1	Taburan Sampel Kajian	115
4.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	117
4.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	118
4.4	Taburan responden mengikut umur	119
4.5	Taburan Responden Mengikut Agama	120
4.6	Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal	121





4.7	Taburan Responden Mengikut Penglibatan Masalah Disiplin Di Sekolah	122
4.8	Taburan Responden Mengikut Jenis Salah Laku Yang Biasa Dilakukan	122
4.9	Tahap Tingkah Laku Agresif Pelajar	124
4.10	Taburan Tahap Agresif Peserta Kajian	125
4.11	Penganalisan Bukti Dokumen	126
4.12	Triangulasi Keperluan asas Informan Utama	127
4.13	Triangulasi Tingkah Laku Keseluruhan Informan Utama	175
4.14	Penganalisan Triangulasi Kajian Utama	179
4.15	Triangulasi Informan Dan Dokumen	183





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Teori Pilihan (adaptasi daripada Glasser(1998) dalam Ahmad Jazimin, 2008)	14
1.2	Model General Aggression (adaptasi Anderson dan Bushman, 2002)	17
1.3	Konsep Determinisme Timbal Balik Dalam Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1973).	21
3.1	Reka Bentuk Pendekatan Kaedah Kajian Gabungan <i>sequential explanatory design</i> (Creswell, 2003)	75
3.2	Aliran Reka Bentuk Kajian (adaptasi daripada Ahmad Jazimin, 2008)	78
3.3	Kerangka Konsep Kajian	81
3.4	Triangulasi Data	103
3.5	Prosedur Kajian	108
5.1	Implikasi Teoritik	204





SENARAI SINGKATAN

KDN	Kementerian Dalam Negeri
GAM	<i>The General Aggression Model</i>
PDPc	Pengajaran, Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package For Sosial Science</i>
EPRD	Perancangan dan Penyelidikan
FPM	Fakulti Pembangunan Manusia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
N	Populasi
S	Sampel Kajian
PK1	Peserta Kajian Satu
PK2	Peserta Kajian Kedua
PK3	Peserta Kajian Ketiga
PK4	Peserta Kajian Keempat
PKP	Penolong Kanan Pentadbiran
PKHEM	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
GD	Guru Disiplin
CR	Kaunselor
BN	<i>Basic Needs</i>
LB	<i>Love And Belongings</i>
FN	<i>Fun</i>
FD	<i>Freedom</i>
PWR	<i>Power</i>
S	<i>Survival</i>
L	<i>Line</i>
TB	<i>Total Behaviour</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM
- B Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
- C Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Fakulti
- D Surat Pemohonan Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Pengkaji
- E Surat Pengesahan Soalan Protokol
- F Transkrip Temu bual Peserta Kajian Pertama
- G Transkrip Temu bual Peserta Kajian Dua
- H Transkrip Temu bual Peserta Kajian Tiga
- I Transkrip Temu bual Peserta Kajian Empat
- J Transkrip Temu bual Informan Tambahan (Kaunselor)
- K Transkrip Temu bual Informan Tambahan (Guru Disiplin)
- L Soalan Protokol
- M Set Soal Selidik





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan beberapa perkara asas yang meliputi latar belakang kajian, pendekatan teori, pernyataan masalah, dan tujuan kajian. Di samping itu, dalam bab ini juga, penyelidikan akan menyatakan tentang signifikan kajian, definisi pemboleh ubah dan limitasi kajian serta rumusan yang akan dihuraikan.





1.2 Latar Belakang Kajian

Masalah tingkah laku pelajar kini semakin hari semakin membimbangkan semua pihak khususnya ibu bapa kerana masalah yang dilakukan oleh golongan ini tidak asing lagi di media massa dan elektronik. Tingkah laku agresif ini bukan sahaja menjadi fenomena di Malaysia sahaja malahan tingkah laku ini turut berlaku di beberapa negara luar seperti United States, United Kingdom, Indonesia, China dan beberapa negara di Asia Tenggara. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak-pihak tertentu untuk menyelamatkan golongan ini daripada terus melakukan tingkah laku agresif. Hal ini demikian kerana terdapat sesetengah golongan pelajar ini terjebak dengan tingkah laku yang tidak bermoral yang lain seperti perlumbaan, merompak, memeras ugut, meragut, membuli, bergaduh, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.



Atas dasar itulah, golongan ini perlu diberi perhatian yang serius dari pelbagai aspek seperti perkembangan fizikal, emosi, kognitif dan psikomotornya agar memastikan mereka menjadi golongan yang mampu mewarisi tampuk kepimpinan negara (Ziyana, 2011).

Tingkah laku agresif ini dikenali sebagai satu tingkah laku yang bertujuan untuk merosakkan, mencederakan, menyakitkan orang lain di mana manusia tersebut cuba mengelak daripada tindakan tersebut (Baron dan Byrne, 2004). Tingkah laku ini juga turut dirangsang oleh sifat emosi kemarahan, keganasan atau sifat persaingan yang diarahkan terhadap orang atau objek yang berada di sekitarnya walaupun ia melibatkan diri perlaku sendiri dan ia akan dianggap sebagai bertujuan untuk membahayakan (Olweus, 1978). Tambahan Olweus (1993) dan Smith dan Sharps (1994) pula, tingkah laku agresif ini adalah tingkah laku di luar norma masyarakat





seperti membuli, merompak, mengambil barang kepunyaan orang lain, mencederakan, merosakkan harta benda dan bergaduh. Sejajar dengan itu, Manminder dan Jaspreet (2014) pula, menyatakan bahawa tingkah laku agresif adalah sifat panas baran, suka membuli, bergaduh, memukul, menerajang, bersikap biadap, cemburu, meragut dan mengores sesuatu.

Tingkah laku ini digambarkan sebagai satu tingkah laku menyimpang yang dilakukan berpunca adalah disebabkan oleh dua faktor iaitu rasa tidak selamat dalam interpersonal dan faktor kebimbangan yang wujud daripada perasaan takut (Talcott Parson, 1947 dalam Norita (2006)). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tingkah laku agresif ini akan menjadi lebih ganas sekiranya tidak di kawal kerana tingkah laku ini boleh menyebabkan kecederaan fizikal atau emosi seseorang.



Sebagai contoh, kes yang berlaku di sebuah sekolah di Selangor iaitu kes yang melibatkan seorang pelajar perempuan tingkatan satu dan beberapa orang pelajar perempuan tingkatan tiga. Difahamkan dalam kes tersebut, pelajar perempuan tingkatan satu telah ditarik tudung dan di pijak kepalanya sehinggalah menampakkan luka yang dalam di bahagian kepala dan menyebabkan pelajar tingkatan satu mendapat beberapa jahitan (Harian Online, 2017). Senario-senario inilah yang menunjukkan tingkah laku agresif yang ditunjukkan oleh pelajar sekolah di Malaysia. Tambahan lagi, kes yang menunjukkan tingkah laku agresif yang dilakukan oleh pelajar di mana, seorang pelajar lelaki telah memukul rakannya beberapa kali dengan menggunakan kerusi tanpa belas kesian. Dalam kes ini kejadian ini dipercayai adalah berpunca daripada sikap rakannya (mangsa) yang suka mengejeknya dan hal ini telah menyebabkan emosi murid tersebut terganggu dan tidak dapat mengawal kemarahan





sehinggalah sanggup bertingkah laku agresif. Di fahamkan ketika kejadian berlaku tanpa pengawasan guru mata pelajaran (Harian Online, 2016). Tingkah laku ini sedikit sebanyak akan menjejaskan imej sekolah dan juga memberi impak yang besar kepada mangsa dan juga pemangsa. Oleh itu, jika tingkah laku agresif ini tidak dibendung dan di kawal masalah tingkah laku ini akan berlarutan sehingga menjadi tingkah laku jenayah seperti membunuh.

Dengan adanya pendedahan tentang tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah ini telah membuktikan bahawa pada usia golongan ini iaitu 13 tahun hingga 17 tahun berlakunya krisis identiti dan mereka masih mencari identiti yang sebenar. Hal ini kerana, zaman remaja adalah di mana berlakunya perubahan apabila mereka mencapai akil baligh atau cukup umur (Zainal & Sharani, 2004) dan perubahan ini akan berlaku pelbagai masalah sekiranya remaja gagal untuk mengawal emosi maka mereka akan mengalami tekanan mental dan melakukan sesuatu di luar kawalan (Arief & Wardah, 2006).

Maka itu, Buss dan Perry (1992), telah mengkategorikan tingkah laku agresif sebagai suatu kecenderungan yang dilakukan secara sengaja atau tidak untuk menyakiti orang lain sama ada secara fizikal, *verbal* (lisan), marah dan permusuhan. Antara contoh yang menunjukkan simptom-simptom tingkah laku agresif secara fizikal dan lisan yang biasa berlaku dalam kalangan pelajar adalah tingkah laku buli. Hal ini demikian kerana, tingkah laku buli juga mendorong berlakunya tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah hinggalah melibatkan pergaduhan di mana berlakunya kes pukul memukul antara satu sama lain. Ini demikian kerana tingkah laku buli adalah salah satu bentuk tingkah laku agresif (Smith & Sharp, 1994). Hal ini





dapat dibuktikan dengan satu kes yang pernah berlaku di sebuah sekolah di Negeri Sembilan, di mana pelajar tingkatan tiga bergaduh dengan pelajar tingkatan lima akibat daripada peperangan mulut sehinggakan mencederakan antara satu sama lain (Sinar Online, 2016). Hal ini juga dapat dilihat bahawa tingkah laku agresif ini berlaku adalah disebabkan oleh ketidakfungsian emosi iaitu perasaan kemarahan. Perasaan marah itu timbul apabila masing-masing tidak puas hati antara satu sama lain sehingga mencetusnya satu tingkah laku agresif iaitu pemusuhan antara satu sama lain sehinggalah berlakunya kecederaan antara mereka. Oleh itu, jelas di sini bahawa tingkah laku agresif ini boleh mencetuskan kesan-kesan yang lebih negatif daripada positif sekiranya tidak dibendung dan dibiarkan oleh semua pihak.

Masalah tingkah laku agresif seperti membuli dan melakukan keganasan kepada pelajar lain turut di ambil berat oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Di mana, Menteri Pendidikan Malaysia Datuk Seri Mahdzir Bin Khalid telah mencadangkan satu dasar kepada mana-mana pelajar sekolah yang terlibat dengan tingkah laku yang agresif seperti pergaduhan dan mencederakan pelajar lain iaitu menggantungkan pelajar yang terlibat dengan masalah tingkah laku ini digantung persekolahan selama setahun dan pelajar tersebut diminta untuk melakukan kerja-kerja amal ketika proses penggantungan mereka (Utusan Online, 2016). Namun begitu, pada tahun 2017, sekali lagi cadangan ini dikuat kuasakan serta merta dengan mengambil tindakan gantung selama enam bulan dan pelajar yang di sabit akan di hantar ke sekolah Henry Gurney dan melakukan kerja amal (Metro Online, 2017). Dengan adanya dasar ini, menunjukkan bahawa pihak kementerian memandang serius terhadap tingkah laku agresif para pelajar di Malaysia.





Kini, masalah tingkah laku agresif boleh di lihat dengan adanya senario-senario daripada salah laku yang dilakukan oleh remaja dengan adanya statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2013 dan 2012. Di mana, sebanyak 5,305 kes juvana mencatatkan pertambahan iaitu 3,399 kes pada tahun 2012 dan 8,704 kes pada tahun 2013 (Utusan Online, 2014). Statistik salah laku remaja juga boleh di lihat dengan adanya bilangan kes yang direkodkan di kementerian iaitu pada tahun 2014 sebanyak 4000 kes dan 2015 sebanyak 3000 kes (Berita Harian, 2016). Namun begitu, walaupun berlaku penurunan daripada tahun 2014 namun begitu pihak kementerian masih tidak berpuas hati dengan jumlah penurunan tersebut. Hal ini dijelaskan oleh Timbalan Menteri Pendidikan iaitu Datuk P. Kamalanathan pada bulan Mac, 2016 (Astro Awani Online, 2016). Walaupun berdasarkan statistik di atas kebanyakan kes melibatkan kes juvana namun, ia sebenarnya sedikit sebanyak berpunca daripada tingkah laku agresif. Di mana, jika seseorang remaja itu tidak bersikap agresif masalah juvana tidak akan berlaku dalam kalangan remaja khususnya pelajar sekolah.

Hal ini menurut Timothy dan Kenya (2007), semasa seseorang individu dalam emosi marah, individu tersebut akan bertindak lebih agresif. Kemarahan yang melampau akan menggalakkan seseorang itu bertingkah laku agresif sehinggakan sanggup melakukan kes-kes yang tidak dijangka dan di luar norma masyarakat kita. Hal ini turut ditegaskan Abdul Malek *et. al* (2006), di mana beliau menyatakan bahawa seseorang yang kecerdasan emosinya rendah amat cenderung untuk bertingkah laku agresif dan melanggar norma masyarakat. Maka, jelaslah di sini bahawa emosi seseorang amat penting untuk seseorang individu bertindak secara agresif atau tidak.





Oleh itu, terdapat beberapa jenis tingkah laku agresif yang biasa dilakukan oleh para pelajar pada hari ini seperti agresif secara fizikal, verbal, kemarahan dan permusuhan (Buss & Perry, 1992). Terdapat dua komponen utama tingkah laku agresif yang ditekankan oleh Buss dan Perry (1992) ialah komponen instrumental yang mewakili tingkah laku agresif fizikal dan lisan. Di mana, tingkah laku agresif fizikal ini merangkumi ugutan secara fizikal dengan menggunakan kekerasan seperti menendang, memukul, menolak dan mengambil atau memusnahkan barang seseorang. Manakala tingkah laku lisan pula merangkumi perlakuan yang berbentuk lisan seperti memanggil nama orang yang tidak sukai, mengejek, menyebarkan fitnah dan umpatan (Bandura, 1973).

Selain itu, tingkah laku agresif marah pula boleh dikaitkan dengan keagresifan psikologi di mana ia melibatkan satu emosi atau perasaan seseorang yang boleh dikategorikan dalam beberapa tingkah laku sehingga memberi kesan kepada individu atau objek di sekelilingnya. Tingkah laku agresif permusuhan pula, melibatkan perasaan menentang dan ketidak adilan yang mewakili komponen kognitif (pemikiran). Manakala komponen kemarahan pula bertindak sebagai penghubung psikologi yang memainkan komponen peranan penting dengan kognitif (Buss & Perry, 1992).

Maka itu, jelaslah bahawa tingkah laku agresif ini memberi kesan mendalam kepada seseorang individu sama ada pelaku atau mangsa. Maka itu, masalah tingkah laku ini harus di bendung agar ia tidak berleluasa. Sememangnya, wajarlah pengkaji melaksanakan kajian ini agar dapat mengukur tahap tingkah laku agresif pelajar dan memahami pelajar yang bertingkah laku agresif di sekolah agar dapat membantu





pihak terbabit mengenal pasti permasalahan pelajar yang bertingkah laku agresif ini sekali gus membendung masalah ini daripada berleluasa.

1.3 Pendekatan Teori

Dalam kajian ini, teori yang menjadi pengasas utama untuk pengkaji dalam melakukan kajian yang berkaitan dengan tingkah laku agresif remaja iaitu Teori Pilihan (*Choice Theory*). Namun begitu, beberapa teori lain juga diterangkan dalam kajian ini seperti *The General Aggression Model* (2002), Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1973) dan kekecewaan agresif Freud (1953) turut dijadikan panduan untuk meneroka keagresifan pelajar sekolah.



1.3.1 Teori Pilihan

Teori Pilihan adalah satu bentuk teori yang telah diutarakan oleh William Glasser. Di mana, dalam teori pilihan ini membincangkan tentang bagaimana seseorang individu itu bertingkah laku dan mengapa mereka bertingkah laku. Selain itu, teori ini di aplikasikan dalam kaunseling adalah bertujuan menolong klien (Sabariah, 2005).

Menurut Glasser (1998) penggunaan teori pilihan hendaklah memahami keperluan asas (*basic needs*) individu yang merangkumi aspek fisiologi dan psikologi. Fisiologi adalah meliputi keperluan kelangsungan kehidupan (*survival*) yang menerangkan aspek keinginan biologi individu terhadap air, makanan, tempat perlindungan dan keperluan asas manusia manakala psikologi pula boleh merangkumi





kuasa (*power*), kepunyaan (*belonging*), kebebasan (*freedom*) dan kegembiraan (*fun*). Oleh itu, disebabkan kedua-dua keinginan tersebut, manusia akan berusaha untuk mendapatkannya demi kepuasan diri sendiri.

Tambahan Glasser (1998) lagi, manusia amat memerlukan dua aset keperluan yang berbeza tetapi ia saling berkaitan antara satu sama lain. Keperluan tersebut adalah keperluan terhadap fisiologi dan keperluan terhadap identiti. Menurut Sabariah (2005) pula keperluan terhadap identiti menjadi fokus utama perbincangan kerana Glasser berpendapat bahawa keperluan ini adalah paling utama ke arah pembentukan tingkah laku manusia.

Secara umumnya, setiap individu memerlukan fisiologi dan psikologi dalam diri mereka. Oleh itu, Glasser (2000 dalam Ahmad Jazimin 2008) telah menggariskan satu pendedahan sendiri individu iaitu dunia kualiti. Dunia kualiti ini adalah gambaran kehendak dunia individu. Selain itu dunia kualiti juga adalah keinginan yang diharapkan dan difikirkan oleh individu mengenai dirinya sendiri. Ia juga dihasilkan adalah berlandaskan pengalaman yang dilalui iaitu sama ada dengan individu atau benda. Secara amnya, sekiranya dunia kualiti ini tidak diurus sebaiknya oleh manusia ia akan bertentangan dengan dunia sebenar manusia.

Menurut Glasser lagi, terdapatnya lima keperluan asas yang diperlukan oleh seseorang individu dan sekiranya kelima-lima keperluan asas ini tidak dipenuhi dengan baik manusia akan bermasalah pada dirinya. Antaranya ialah;

